



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PENGULUNGAN

YB PUAN LIM HUI YING

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**USUL PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN SUHAKAM
TAHUN 2024**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

8 JULAI 2026 (RABU)

PENDAHULUAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semasa mengambil bahagian dalam sesi **Perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM 2024 pada 7 dan 8 Julai 2026.**

Saya **menghargai segala pandangan dan cadangan** yang telah dikemukakan dan akan diambil kira dalam perancangan KPWKM di masa hadapan, termasuklah syor penambahbaikan sama ada yang dinyatakan dalam Laporan mahupun yang dicadangkan oleh Ahi-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Pada hari ini, saya akan **memberi maklum balas kepada pertanyaan-pertanyaan** yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada KPWKM.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
KANAK-KANAK		
1.	Cadangan memperkukuh Dasar Kanak-Kanak Negara dengan melaksanakan kajian semula dasar secara berkala agar sistem perlindungan kanak-kanak lebih responsif, cepat dan berkesan.	YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [TUMPAT]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan **Yang Berhormat Tumpat** berkaitan dengan **cadangan memperkukuh Dasar Kanak-Kanak dengan melaksanakan kajian secara berkala.**

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu pada 24 November 2024. Dasar ini merupakan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh ekosistem perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak secara lebih menyeluruh. Bagi memastikan hasrat dan objektif dasar ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang tersusun, bersepadu dan berkesan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026-2030 pada 18 November 2025.

3. Melalui Pelan Tindakan ini, terdapat program yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk melahirkan kanak-kanak yang dapat

mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui pelaksanaan advokasi, pembaharuan undang-undang, pembangunan kapasiti dan pengukuhan tadbir urus. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak : KASIH Kanak-Kanak dan Program Pembangunan Kapasiti Pelindung dan Pegawai Akhlak.

4. KPWKM pada masa ini memberi tumpuan untuk memastikan pelaksanaan dasar berjalan secara berkesan, terselaras dan berimpak melalui mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan secara berkala, termasuk pengumpulan data, libat urus dengan pihak berkepentingan serta penilaian terhadap kemajuan program dan inisiatif yang sedang dilaksanakan. Pendekatan ini membolehkan sebarang isu, jurang pelaksanaan atau keperluan penambahbaikan dikenal pasti lebih awal tanpa perlu menunggu kajian semula menyeluruh.

5. Untuk makluman, KPWKM sememangnya telah merancang untuk melaksanakan kajian separuh penggal ke atas Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak ini supaya penambahbaikan secara bersasar boleh dibuat berdasarkan dapatan pemantauan, perubahan keperluan semasa serta input daripada agensi pelaksana, masyarakat sivil, pakar dan kanak-kanak sendiri.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ORANG KURANG UPAYA		
2.	Tindakan membantu PDK yang tidak berkemampuan	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [HULU SELANGOR]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Seterusnya berhubung pertanyaan **YB Hulu Selangor** berkaitan tindakan Kementerian dalam **membantu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang tidak berkemampuan dari segi kewangan.**

2. Pada masa kini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan peruntukan berjumlah RM140,409,124.80 bagi 576 buah PDK di seluruh negara. Bantuan Kewangan ini bertujuan untuk membiayai elaun saguhati Penyelia, saguhati Petugas, sewa premis, kos utiliti, caruman PERKESO dan KWSP bagi Penyelia dan Petugas dan Elaun Khas OKU.

3. Pengurusan PDK diuruskan dan bergerak sebagai sebuah pertubuhan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan iaitu ROS. Pertubuhan

PDK boleh melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mendapatkan dana tambahan bagi pengoperasian PDK masing-masing.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ORANG KURANG UPAYA		
3.	Keperluan pendaftaran PDK sebagai Pusat Jagaan	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [HULU SELANGOR]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Masih lagi isu berkaitan PDK, **dimana Yang Berhormat Hulu Selangor** membangkitkan pertanyaan mengenai **keperluan PDK didaftar sebagai Pusat Jagaan**.

2. JKM telah menetapkan bahawa Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang beroperasi sebagai pusat jagaan harian hendaklah didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Penetapan ini dibuat berdasarkan penelitian terhadap bentuk pengoperasian dan perkhidmatan yang disediakan, yang didapati memenuhi tafsiran pusat jagaan harian sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 506.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut seksyen 2, “Pusat Jagaan Harian” ertinya ...”mana-mana premis di mana empat atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh

berterusan yang melebihi tiga jam sehari dan selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu, sama ada untuk upah atau tidak..”.

4. Pelaksanaan pendaftaran ini bertujuan memastikan PPDK mematuhi standard minimum yang ditetapkan dari aspek keselamatan, kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan peserta, di samping memperkukuhkan tadbir urus serta mekanisme pemantauan oleh Jabatan.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
WARGA EMAS		
4.	Warga emas masa kini menghadapi masalah kewangan, kesunyian - membanyakkan PAWE dalam melaksanakan serta menambah baik Care Economy	YB Dato' Dr. Hj. Alias bin Razak [KUALA NERUS]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Yang Berhormat Kuala Nerus telah mencadangkan agar bilangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai warga emas mendapat akses kepada program dan aktiviti yang dapat mengurangkan gejala kesunyian serta meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

2. Sehingga kini, terdapat sebanyak 217 PAWE aktif yang beroperasi secara inklusif di seluruh negara. Bagi memenuhi syor kesaksamaan akses oleh SUHAKAM, JKM telah menyasarkan penubuhan sekurang-kurangnya 10 buah PAWE baharu setiap tahun mulai tahun 2027 hingga 2030. Kementerian menyasarkan tambahan sebanyak 40 buah PAWE baharu menjelang tahun 2030. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada kelulusan peruntukan kewangan Kerajaan.

3. Bagi mengatasi kekangan premis fizikal di lokasi tertentu, JKM memperkenalkan inisiatif Pemerkasaan Program Aktiviti Warga Emas tanpa premis iaitu PAWE@3A (Anywhere, Any Place, Any Time). Langkah ini bagi memastikan tiada kelompok warga emas yang terpinggir daripada aktiviti penjangkauan sosial. PAWE@3A boleh dilaksanakan dimana-mana lokasi bersesuaian dan mudah dijangkau oleh majoriti warga emas.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
WARGA EMAS		
5.	Hak warga emas untuk mendapatkan pendidikan rohani dan program penuaan ibadah, standard operasi untuk semua rumah orang tua agar keperluan rohani yang diperlukan oleh mereka diberikan selayaknya	YB Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [KUALA KRAI]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Masih lagi isu berkaitan warga emas. Yang Berhormat Kuala Krai ada membangkitkan isu berkaitan hak warga emas dalam mendapatkan keperluan rohani yang diperlukan oleh mereka diberikan selayaknya.

2. Jabatan Kebajikan Masyarakat amat mengambil berat tentang pendidikan rohani dan program-program penuaan berbentuk ibadah dan keagamaan agar keperluan rohani penghuni warga emas di institusi dibawah pentadbiran JKM dipenuhi dan terisi dengan sebaiknya.

3. Dalam memastikan perkara tersebut, JKM telah melaksanakan pelbagai program keagamaan di institusi antaranya:

- i. Bekerjasama dengan JAKIM dalam membekalkan tenaga guru takmir untuk mengajar fardhu ain dan kelas agama di institusi-institusi warga emas pada setiap minggu;
 - ii. Melaksanakan program rutin keagamaan yang diatitkan oleh Pembantu hal Ehwal Islam selaku pegawai kader JAKIM di semua institusi warga emas; dan
 - iii. Melaksanakan sambutan hari-hari kebesaran islam dalam mengimarahkan institusi dengan program keagamaan.
4. Bagi penghuni bukan beragama Islam, pihak institusi akan bekerjasama dengan pihak NGO dalam menjalankan program keagamaan mengikut kepercayaan warga emas masing-masing ke rumah-rumah ibadah mereka.
5. JKM juga telah membangunkan Dokumen Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Penghuni di Institusi Warga Emas sebagai garis panduan kepada semua penjaga institusi dalam melaksanakan aktiviti/ program mengikut 5 dimensi iaitu sihat, aktif, produktif, positif dan menyokong yang digariskan dalam Dasar Warga Emas Negara bagi memastikan kesejahteraan warga emas dari aspek fizikal, mental dan rohani terjamin.

(PENUTUP)

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah sesi penggulungan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi sesi penggulungan Laporan Tahunan Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Tahun 2024 di Dewan Rakyat pada hari ini.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, cadangan penambahbaikan serta teguran membina berhubung isu-isu yang melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Kementerian amat menghargai setiap pandangan yang telah dibangkitkan dan akan meneliti serta mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan segala input yang diterima.

Saya juga berharap agar kerjasama dan sokongan padu daripada semua Ahli Yang Berhormat terhadap pelaksanaan inisiatif KPWKM akan terus diperkukuhkan. Komitmen bersama dalam menangani isu-isu yang amat dekat dengan kehidupan dan kesejahteraan rakyat ini diyakini akan memperkukuh usaha

Kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan, inklusif dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.